



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 875

**AKTA LANGKAH-LANGKAH BAGI PEMUNGUTAN,
PENTADBIRAN DAN PENGUATKUASAAN CUKAI 2025**

Tarikh Perkenan Diraja	27 Disember 2025
Tarikh penyiaran dalam <i>Warta</i>	31 Disember 2025

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik)**.

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 875

AKTA LANGKAH-LANGKAH BAGI PEMUNGUTAN, PENTADBIRAN DAN PENGUATKUASAAN CUKAI 2025

SUSUNAN SEKSYEN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Seksyen

1. Tajuk ringkas
2. Pindaan Akta

BAHAGIAN II

PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

3. Permulaan kuat kuasa pindaan kepada Akta Cukai Pendapatan 1967
4. Pindaan seksyen 82B
5. Pindaan seksyen 152A

BAHAGIAN III

PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI KEUNTUNGAN HARTA TANAH 1976

6. Permulaan kuat kuasa pindaan kepada Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976
7. Pindaan seksyen 13
8. Pindaan seksyen 13A
9. Pindaan seksyen 19A
10. Pindaan seksyen 36
11. Seksyen baharu 43A
12. Pindaan seksyen 51
13. Pindaan seksyen 57A

BAHAGIAN IV

PINDAAN KEPADA AKTA SETEM 1949

Seksyen

14. Permulaan kuat kuasa pindaan kepada Akta Setem 1949
15. Pindaan seksyen 4A
16. Pindaan seksyen 9
17. Pindaan seksyen 12A
18. Pindaan seksyen 17
19. Pindaan seksyen 20
20. Pindaan seksyen 20B
21. Pindaan seksyen 35A
22. Pindaan seksyen 36
23. Pindaan seksyen 36D
24. Pindaan seksyen 47A
25. Pindaan seksyen 61
26. Pindaan seksyen 63
27. Pindaan seksyen 64
28. Pindaan seksyen 72A
29. Seksyen baharu 76B
30. Pindaan seksyen 77A

BAHAGIAN V

PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI AKTIVITI PERNIAGAAN LABUAN 1990

31. Permulaan kuat kuasa pindaan kepada Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990
32. Pindaan seksyen 3A
33. Pindaan seksyen 5
34. Pindaan seksyen 6A
35. Pindaan seksyen 10
36. Seksyen baharu 18A
37. Penggantian seksyen 21A
38. Pindaan seksyen 21B
39. Pindaan seksyen 21C
40. Pindaan seksyen 28

BAHAGIAN VI

PINDAAN KEPADA AKTA PETROLEUM (CUKAI PENDAPATAN) 1967

Seksyen

41. Permulaan kuat kuasa pindaan kepada Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967
42. Seksyen baharu 67A
43. Pindaan seksyen 82A

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 875

AKTA LANGKAH-LANGKAH BAGI PEMUNGUTAN, PENTADBIRAN DAN PENGUATKUASAAN CUKAI 2025

Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi langkah-langkah yang berhubungan dengan pelaksanaan pemungutan, pentadbiran dan penguatkuasaan cukai dengan meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976, Akta Setem 1949, Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990 dan Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Tajuk ringkas

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Langkah-Langkah bagi Pemungutan, Pentadbiran dan Penguatkuasaan Cukai 2025.

Pindaan Akta

2. Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 [*Akta 169*], Akta Setem 1949 [*Akta 378*], Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990 [*Akta 445*] dan

Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 [Akta 543] dipinda mengikut cara yang dinyatakan masing-masing dalam Bahagian II, III, IV, V dan VI.

BAHAGIAN II

PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

Permulaan kuat kuasa pindaan kepada Akta Cukai Pendapatan 1967

3. (1) Seksyen 4 berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2027 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

(2) Perenggan 5(a) dan (c) dan subperenggan 5(b)(ii) mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2027.

(3) Subperenggan 5(b)(i) berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2026 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

(4) Perenggan 5(d) mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2026.

Pindaan seksyen 82B

4. Akta Cukai Pendapatan 1967, yang disebut “Akta ibu” dalam Bahagian ini, dipinda dalam seksyen 82B—

(a) dalam nota bahu, dengan menggantikan perkataan “**chargeable income and tax payable**” dengan perkataan “**chargeable income, tax payable, etc.**”;

(b) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut:

“(1A) Where a person referred to in paragraphs 86(1)(a) and (b) has furnished to the Director General a return in accordance with section 86, that person shall provide information and furnish documents as may be determined by the Director General for the purpose

of ascertaining the divisible income or the divisible loss from the business of a partnership on an electronic medium or by way of electronic transmission within thirty days after the due date for furnishing of the return.”; dan

- (c) dalam subseksyen (2), dengan menggantikan perkataan “subsection (1)” dengan perkataan “subsections (1) and (1A)”.

Pindaan seksyen 152A

5. Seksyen 152A Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (3), dengan menggantikan perkataan “in writing” dengan perkataan “in a prescribed form”;

- (b) dalam subseksyen (3A)—

(i) dengan memasukkan selepas perkataan “subsection 75(1)” perkataan “or 86(1)”; dan

(ii) dengan menggantikan perkataan “in writing” dengan perkataan “in a prescribed form”;

- (c) dengan memasukkan selepas subseksyen (3A) subseksyen yang berikut:

“(3B) The authorization referred to in subsections (3) and (3A) shall be furnished to the Director General on an electronic medium or by way of electronic transmission in accordance with this section.”; dan

- (d) dalam subseksyen (4), dengan memasukkan selepas perkataan “subsection (3)” perkataan “or (3A)”.

BAHAGIAN III

PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI KEUNTUNGAN
HARTA TANAH 1976**Permulaan kuat kuasa pindaan kepada Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976**

6. (1) Seksyen 7, 8, 9, 10, 11 dan 12 mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2026.

(2) Seksyen 13 mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2027.

Pindaan seksyen 13

7. Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976, yang disebut “Akta ibu” dalam Bahagian ini, dipinda dalam seksyen 13 dengan memasukkan selepas subseksyen (7) subseksyen yang berikut:

“(8) Seseorang yang melupuskan aset yang boleh dikenakan cukai dan dikehendaki untuk membuat suatu penyata di bawah seksyen ini boleh memberitahu pemeroleh itu amaun cukai yang kena dibayar atas keuntungan yang boleh dikenakan cukai bagi pelupusan itu dalam penyata yang dibuat di bawah subseksyen (1) bagi maksud seksyen 21B.

(9) Pemberitahuan yang dibuat di bawah subseksyen (8) hendaklah disifatkan telah disampaikan kepada pemeroleh oleh pelupus itu melalui medium elektronik atau dengan cara penghantaran elektronik pada hari yang penyata itu dibuat di bawah subseksyen (1) dikemukakan kepada Ketua Pengarah.”.

Pindaan seksyen 13A

8. Seksyen 13A Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut:

“(1A) Orang yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah mengemukakan kepada Ketua Pengarah suatu penyata terpinda dalam borang yang ditetapkan melalui medium elektronik atau dengan cara penghantaran elektronik mengikut seksyen 57A.”.

Pindaan seksyen 19A

9. Perenggan 19A(5)(a) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “secara bertulis” dengan perkataan “dalam borang yang ditetapkan”.

Pindaan seksyen 36

10. Perenggan 36(1)(b) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “seksyen 27 atau subseksyen 28(3)” dengan perkataan “seksyen 27, subseksyen 28(3), seksyen 28A atau 28B”.

Seksyen baharu 43A

11. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 43 seksyen yang berikut:

“Kuasa untuk mengeluarkan garis panduan

43A. (1) Ketua Pengarah boleh mengeluarkan garis panduan yang difikirkan suai manfaat atau perlu oleh Ketua Pengarah untuk menjelaskan peruntukan Akta ini atau untuk memudahkan pematuhan undang-undang atau apa-apa perkara lain yang berhubungan dengan Akta ini.

(2) Ketua Pengarah boleh membatalkan, mengkaji semula atau meminda keseluruhan atau mana-mana bahagian mana-mana garis panduan yang dikeluarkan di bawah seksyen ini.”.

Pindaan seksyen 51

12. Seksyen 51 Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut:

“(1A) Ketua Pengarah boleh, melalui notis secara bertulis, menarik balik pada bila-bila masa perisytiharan yang dibuat di bawah subseksyen (1).”.

Pindaan seksyen 57A

13. Seksyen 57A Akta ibu dipinda—

(a) dalam subseksyen (3), dengan menggantikan perkataan “secara bertulis” dengan perkataan “dalam borang yang ditetapkan”; dan

(b) dengan memasukkan selepas subseksyen (3) subseksyen yang berikut:

“(3A) Kebenaran yang disebut dalam subseksyen (3) hendaklah dikemukakan kepada Ketua Pengarah melalui medium elektronik atau dengan cara penghantaran elektronik mengikut seksyen ini.”.

BAHAGIAN IV**PINDAAN KEPADA AKTA SETEM 1949****Permulaan kuat kuasa pindaan kepada Akta Setem 1949**

14. Bahagian ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2026.

Pindaan seksyen 4A

15. Akta Setem 1949, yang disebut “Akta ibu” dalam Bahagian ini, dipinda dalam subseksyen 4A(3) dengan menggantikan perkataan “not exceeding two hundred and fifty ringgit” dengan perkataan “of not less than one thousand ringgit and not exceeding ten thousand ringgit”.

Pindaan seksyen 9

16. Subseksyen 9(3) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “two hundred ringgit or ten per centum” dengan perkataan “five hundred ringgit or twenty per centum”.

Pindaan seksyen 12A

17. Seksyen 12A Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “Item 32(a) or (aa)” dengan perkataan “Item 32(a), (aa) or (ab)”.

Pindaan seksyen 17

18. Seksyen 17 Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “Item 32(a) or (aa)” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “Item 32(a), (aa) or (ab)”.

Pindaan seksyen 20

19. Subseksyen 20(4) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “Item 32(a) or (aa)” dengan perkataan “Item 32(a), (aa) or (ab)”.

Pindaan seksyen 20B

20. Subseksyen 20B(2) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “Item 32(a) or (aa)” dengan perkataan “Item 32(a), (aa) or (ab)”.

Pindaan seksyen 35A

21. Subseksyen 35A(2) Akta ibu dipinda dengan memotong perkataan “for a year of assessment”.

Pindaan seksyen 36

22. Seksyen 36 Akta ibu dipinda dengan menggantikan subseksyen (2) dengan subseksyen yang berikut:

“(2) For the purposes of this Act, where—

(a) the return is furnished together with an instrument within the period specified in section 43 or 47, and the Collector is deemed to have made an assessment under paragraph (1)(a)—

(i) the return shall be deemed to be an assessment; and

(ii) the duty payable on the instrument shall be due and payable and the instrument shall be stamped within thirty days from the date of the assessment by the Collector; or

(b) the return is furnished together with an instrument not within the period specified in section 43 or 47, and the Collector is deemed to have made an assessment under paragraph (1)(a)—

(i) the return shall be deemed to be an assessment; and

(ii) the duty payable on the instrument shall be due and payable and the instrument shall be stamped within thirty days from the date of the assessment by the Collector together with the penalty payable under section 47A.”.

Pindaan seksyen 36D

23. Subseksyen 36D(2) Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “section 36B” perkataan “, 36CA”.

Pindaan seksyen 47A

24. Subseksyen 47A(1) Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “in or under” perkataan “subsection 36(2),”.

Pindaan seksyen 61

25. Seksyen 61 Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “not exceeding two thousand five hundred ringgit” dengan perkataan “of not less than two thousand five hundred ringgit and not exceeding fifty thousand ringgit”.

Pindaan seksyen 63

26. Subseksyen 63(1) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “not exceeding one thousand five hundred ringgit” dengan perkataan “of not less than one thousand ringgit and not exceeding ten thousand ringgit”.

Pindaan seksyen 64

27. Seksyen 64 Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “not exceeding one thousand five hundred ringgit” dengan perkataan “of not less than one thousand ringgit and not exceeding ten thousand ringgit”.

Pindaan seksyen 72A

28. Seksyen 72A Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “not exceeding five thousand ringgit” dengan perkataan “of not less than two thousand five hundred ringgit and not exceeding fifty thousand ringgit”.

Seksyen baharu 76B

29. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 76A seksyen yang berikut:

“Power to issue guidelines

76B. (1) The Collector may issue guidelines as the Collector thinks expedient or necessary to clarify the provisions of this Act or to facilitate the compliance of the law or any other matter relating to this Act.

(2) The Collector may revoke, revise or amend the whole or any part of any guidelines issued under this section.”.

Pindaan seksyen 77A

30. Perenggan 77A(1)(f) Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “39(4)” perkataan “, 50B(2)”.

BAHAGIAN V

PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI AKTIVITI PERNIAGAAN
LABUAN 1990**Permulaan kuat kuasa pindaan kepada Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990**

31. (1) Seksyen 32, 33, 34, 35, 36, 37, 38 dan 40, perenggan 39(a), (b), (f), (g) dan (h) dan subperenggan 39(c)(ii) mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2026.

(2) Subperenggan 39(c)(i) dan perenggan 39(d) dan (e) mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2027.

Pindaan seksyen 3A

32. Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990, yang disebut “Akta ibu” dalam Bahagian ini, dipinda dalam seksyen 3A dengan menggantikan perkataan “dalam borang yang ditetapkan” dengan perkataan “dalam borang sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah”.

Pindaan seksyen 5

33. Seksyen 5 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan “dalam borang yang ditetapkan” dengan perkataan “dalam borang sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah”; dan
- (b) dalam subseksyen (2), dengan memotong perkataan “yang ditetapkan”.

Pindaan seksyen 6A

34. Perenggan 6A(1)(a) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “dalam borang yang ditetapkan yang berkenaan” dengan perkataan “dalam borang sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah”.

Pindaan seksyen 10

35. Seksyen 10 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan “dalam borang yang ditetapkan” dengan perkataan “dalam borang sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah”; dan
- (b) dalam subseksyen (2), dengan memotong perkataan “yang ditetapkan”.

Seksyen baharu 18A

36. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 18 seksyen yang berikut:

“Pegawai diberi kuasa

18A. (1) Ketua Pengarah boleh, secara bertulis, memberi kuasa kepada mana-mana pegawai atau pegawai rasmi lain untuk menjalankan kuasa yang diberikan di bawah Akta ini.

(2) Mana-mana pegawai atau pegawai rasmi yang diberi kuasa di bawah subseksyen (1) hendaklah disifatkan sebagai seorang pegawai diberi kuasa mengikut pengertian Akta ini.

(3) Ketua Pengarah hendaklah mengeluarkan kepada setiap pegawai diberi kuasa yang menjalankan mana-mana kuasa yang diberikan di bawah seksyen 22D suatu kad kuasa yang hendaklah ditandatangani oleh Ketua Pengarah.

(4) Apabila pegawai diberi kuasa itu menjalankan mana-mana kuasa yang diberikan di bawah seksyen 22D, pegawai diberi kuasa itu hendaklah, apabila diminta, mengemukakan kepada orang yang terhadapnya kuasa itu dijalankan kad kuasa yang dikeluarkan kepadanya di bawah subseksyen (3).”.

Penggantian seksyen 21A

37. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 21A dengan seksyen yang berikut:

“Borang

21A. Ketua Pengarah boleh, mengikut apa-apa cara sebagaimana yang difikirkannya patut, menentukan apa-apa borang yang dikehendaki oleh Akta ini yang berkaitan dengan penjalanan Akta ini.”.

Pindaan seksyen 21B

38. Seksyen 21B Akta ibu dipinda—

(a) dalam perenggan (1)(a), dengan menggantikan perkataan “mana-mana borang yang ditetapkan” dengan perkataan “mana-mana borang sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah”; dan

(b) dalam subseksyen (2), dengan memotong perkataan “yang ditetapkan” di mana-mana jua terdapat.

Pindaan seksyen 21c

39. Seksyen 21c Akta ibu dipinda—

(a) dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan “mana-mana borang yang ditetapkan” dengan perkataan “mana-mana borang sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah”;

(b) dengan menggantikan subseksyen (2) dengan subseksyen yang berikut:

“(2) Bagi maksud subseksyen (1), Ketua Pengarah boleh menentukan apa-apa syarat dan spesifikasi yang di bawahnya borang itu dikemukakan.”;

(c) dalam subseksyen (3)—

(i) dengan menggantikan perkataan “boleh memberikan kebenaran secara bertulis” dengan perkataan “boleh, melalui suatu borang, memberikan kebenaran”; dan

(ii) dengan memotong perkataan “yang ditetapkan”;

(d) dengan memasukkan selepas subseksyen (3) subseksyen yang berikut:

“(3A) Pegawai yang disebut dalam seksyen 16 boleh, melalui suatu borang, memberikan kebenaran kepada seseorang pekerja untuk mengemukakan bagi pihaknya mana-mana borang mengikut cara yang diperuntukkan dalam subseksyen (1).

(3B) Kebenaran yang disebut dalam subseksyen (3) dan (3A) hendaklah dikemukakan kepada Ketua Pengarah melalui medium elektronik atau dengan cara penghantaran elektronik mengikut seksyen ini.”;

- (e) dalam subseksyen (4), dengan menggantikan perkataan “Suatu borang yang ditetapkan yang dikemukakan mengikut subseksyen (3)” dengan perkataan “Borang sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah mengikut subseksyen (3) atau (3A)”;
- (f) dalam subseksyen (5), dengan memotong perkataan “yang ditetapkan” di mana-mana jua terdapat;
- (g) dalam subseksyen (6), dengan memotong perkataan “yang ditetapkan” di mana-mana jua terdapat; dan
- (h) dengan memasukkan selepas subseksyen (6) subseksyen yang berikut:

“(7) Dalam seksyen ini, “ejen cukai” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam seksyen 153 Akta Cukai Pendapatan 1967.”.

Pindaan seksyen 28

40. Seksyen 28 Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “tiada cara ditetapkan” dengan perkataan “tiada cara ditentukan”.

BAHAGIAN VI

PINDAAN KEPADA AKTA PETROLEUM (CUKAI PENDAPATAN) 1967

Permulaan kuat kuasa pindaan kepada Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967

41. (1) Seksyen 42 dan perenggan 43(d) mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2026.

(2) Perenggan 43(a), (b) dan (c) mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2027.

Seksyen baharu 67A

42. Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967, yang disebut “Akta ibu” dalam Bahagian ini, dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 67 seksyen yang berikut:

“Power to issue guidelines

67A. (1) The Director General may issue guidelines as the Director General thinks expedient or necessary to clarify the provisions of this Act or to facilitate the compliance of the law or any other matter relating to this Act.

(2) The Director General may revoke, revise or amend the whole or any part of any guidelines issued under this section.”.

Pindaan seksyen 82A

43. Seksyen 82A Akta ibu dipinda—

(a) dalam subseksyen (3), dengan menggantikan perkataan “in writing” dengan perkataan “in a prescribed form”;

(b) dalam subseksyen (3A), dengan menggantikan perkataan “in writing” dengan perkataan “in a prescribed form”;

(c) dengan memasukkan selepas subseksyen (3A) subseksyen yang berikut:

“(3B) The authorization referred to in subsections (3) and (3A) shall be furnished to the Director General on an electronic medium or by way of electronic transmission in accordance with this section.”; dan

(d) dengan menggantikan subseksyen (4) dengan subseksyen yang berikut:

“(4) A prescribed form furnished in accordance with subsection (3) or (3A) on behalf of any chargeable person or person referred to in subsection 27(2) shall be presumed to have been furnished on

the authority of the chargeable person or person referred to in subsection 27(2), until the contrary is proved, and the chargeable person or person referred to in subsection 27(2) shall be deemed to be cognizant of its contents.”.